



Bab

Ketiga

## BAB KETIGA

### PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA *SYIQĀQ*

#### 3.1. Pendahuluan

Kebahagiaan hidup sesebuah keluarga banyak bergantung kepada persefahaman di dalam hubungan suami isteri. Kegagalan mereka untuk berbuat demikian akan melahirkan ketegangan dan konflik. Adalah tidak mustahil jika dikatakan bahawa krisis di antara suami isteri itu adalah suatu perkara lumrah di dalam sesebuah rumah tangga. Tetapi keadaan ini boleh diatasi dengan kebijaksanaan si suami dan dengan sokongan isterinya yang pengasih.

Konflik rumah tangga merupakan suatu keadaan di mana kehidupan suami isteri sentiasa berada di dalam suasana yang tidak harmoni, tegang dan bercanggah. Keadaan ini membawa mereka kepada perasaan saling benci membenci di antara satu sama lain.

Krisis rumah tangga boleh berlaku dalam keadaan-keadaan yang jelas iaitu suami isteri mudah bertengkar, saling tuduh menuduh, memaki hamun dan cepat melatah sebaik sahaja ada sesuatu yang tidak kena. Krisis rumah tangga ini boleh juga berlaku dalam keadaan yang tidak jelas iaitu ketika perselisihan suami isteri tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan mereka kelihatan rukun dan damai tetapi sebenarnya kehidupan mereka sudah bertukar menjadi hambar, tidak mesra dan dalam suasana perhubungan yang renggang. Keadaan rumah tangga yang sedemikian selalunya memberi kesan yang mendalam terhadap pertumbuhan jiwa anak-anak.

Dalam bab ini, penulis akan menyentuh tentang konflik rumah tangga di antara pasangan suami isteri. Seterusnya bagaimana Islam menyelesaikannya sehingga sampai kepada pembubaran perkahwinan.

### 3.2. Pengertian *Syiqāq*

#### 3.2.1. Pengertian Dari Segi Bahasa

Perkataan *Syiqāq* berasal dari kalimah Arab iaitu *syāqqa* (شَاقَّةٌ) yang bermaksud perbalahan dan perselisihan. *Syiqāq* adalah perbalahan antara dua pihak dan perselisihan antara dua belah pihak.<sup>1</sup>

#### 3.2.2. Pengertian Dari Segi Istilah Fuqaha'

Para fuqaha' tidak mentakrifkan *syiqāq* dari segi istilah syarak tetapi menggabungkan makna *syiqāq* dari segi bahasa kepada istilah syarak. Justeru itu fuqaha' menyatakan makna *syiqāq* dari sudut syarak dengan mengibaratkannya sebagai sebab kepada pembubaran perkahwinan antara pasangan suami isteri. Mereka seakan-akan merasa cukup dengan makna dari segi bahasa yang jelas iaitu maksud *syiqāq* itu ialah sebab kepada pembubaran perkahwinan.<sup>2</sup>

#### 3.2.3. Pengertian Dari Segi Istilah Ulama' Tafsir

Perkataan *syiqāq* ada disebut dalam al-Quran yang berbunyi :

<sup>1</sup>Al-'Allāmah Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukram ibn Manzūr (t.t.), *Lisān al-'Arab*, j. 10, Beirut: Dār al-Fikr, h. 183.

<sup>2</sup>Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufassal fi Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*, j. 8, c. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 408.

وَإِنْ جَعَلْتُمْ بِعَاقِبَةِ هُنَّا فَأَنْتُمْ أَهْلُهُ  
وَهُنَّا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يَرِدُوا إِلَيْنَا هُنَّا  
اللَّهُ شَانٌ عَلَيْنَا خَبِيرٌ

Surah al-Nisā' (4): 35.

Ertinya: Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuan-Nya.

Di kalangan ulama' tafsir, ada yang menjelaskan maksud *syiqāq* di dalam ayat tersebut dalam konteks antara suami dan isteri. Menurut pendapat Zayd ibn Aslam dalam tafsir al-Qurtubī *syiqāq* sebagai perbalahan, perselisihan, perdebatan yang keterlaluan.<sup>3</sup> Imam al-Rāzī mentafsirkan *syiqāq* kepada dua tafsiran: Pertama, setiap daripada dua belah pihak melakukan perbalahan kepada pihak yang lain. Kedua, iaitu apa yang berlaku ke atas salah satu daripada kedua-dua pihak suatu yang membebankan sehingga membawa kepada perpecahan.<sup>4</sup> Dari pada takrif di atas dapat disimpulkan *syiqāq* bermaksud perselisihan atau permusuhan yang berlaku di antara dua pihak suami isteri yang memerlukan pihak ketiga untuk menyelesaiannya.

<sup>3</sup>Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1987), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, j. 2, c. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 143.

<sup>4</sup>Al-Imām al-Fakhr al-Rāzī (1995). *Tafsīr al-Kabīr*, j. 4, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 73

### **3.3. Tatacara Menangani *Syiqāq* Antara Pasangan Suami Isteri Menurut Islam**

*Syiqāq* antara pasangan suami isteri merupakan suatu perkara yang dibenci lagi tidak disukai oleh syarak kerana ia boleh meruntuhkan sesebuah keluarga, menggoyangkan kestabilan rumah tangga dan mendedahkan kehidupan suami isteri kepada bahaya dan kemusnahan. Maka bagaimanakah syariat Islam menangani *syiqāq* di antara pasangan suami isteri, adakah ia memadai dengan ayat yang diturunkan supaya melantik dua orang *hakam* (orang tengah) untuk menyelesaiannya ataupun syariat Islam menitikberatkan suatu yang lebih jauh daripada itu? Jawabnya ialah syariat Islam telah menangani perkara tersebut sebelum ianya terjadi lagi iaitu dengan menangani punca yang boleh membawa kepada *syiqāq* serta mencari jalan penyelesaiannya. Di antara punca-punca yang membawa kepada *syiqāq* ialah pengabaian setiap pasangan suami isteri terhadap hak masing-masing, saling benci membenci di antara mereka dan isteri yang terlalu menuntut kesempurnaan haknya daripada suami tanpa melihat sesuatu perubahan yang berlaku ke atas suami secara mengejut atau tiba-tiba.<sup>5</sup>

Kesimpulannya, Islam telah menangani perkara *syiqāq* antara suami isteri dengan dua cara. Pertama, dengan cara pencegahan iaitu mengelakkan daripada terjadinya punca-punca *syiqāq*. Kedua, dengan cara *tahkīm* apabila berlakunya *syiqāq* ataupun apabila dikhawatir ia akan berlaku.

---

<sup>5</sup>Zaydān (1994), op cit., h. 409

### 3.3.1. Pencegahan *Syiqāq*

#### i) Pengetahuan Pasangan Suami Isteri Tentang Hak Masing-Masing

Syariat Islam telah menjelaskan bahawa di antara pasangan suami isteri itu ada hak-hak mereka dan setiap pasangan mestilah menunai dan memberikan hak masing-masing. Firman Allah s.w.t. :

لَهُنْ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْزُوفٌ وَلَلَّهُ جَاءِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَاتٌ

Surah al-Baqarah (2): 228.

Ertinya: Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjah kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya).

Maka tidak harus bagi setiap daripada suami isteri itu hanya memastikan haknya ditunaikan dan menuntut pasangannya menyempurnakan kepadanya hak tersebut tanpa sebarang kekurangan sebaliknya dia mengabaikan hak pasangannya pula dan tidak mengambil berat serta tidak menunaikannya. Tidak syak lagi pasangan suami isteri yang seumpama ini sudah pasti akan mencetuskan *syiqāq* di antara mereka. Oleh itu pengetahuan suami isteri tentang hak masing-masing yang perlu ditunai dan disempurnakan terhadap pasangannya adalah faktor penting yang boleh mencegah daripada berlakunya punca-punca *syiqāq*.<sup>6</sup>

#### ii) Suruhan Melakukan Pergaulan Yang Baik

Di antara benih-benih *syiqāq* ialah buruknya pergaulan di antara pasangan suami isteri yang mana ia boleh meninggalkan kesan terhadap jiwa dan mental

<sup>6</sup>Ibid., h. 410.

isteri itu sendiri. Allah s.w.t. telah memerintahkan para suami supaya melakukan pergaulan yang baik terhadap isteri-isteri mereka melalui firman-Nya :

وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Surah al-Nisā' (4): 19.

Ertinya: Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik.

Suruhan yang jelas supaya melakukan pergaulan yang baik ini memberi kesan terhadap jiwa muslim dan boleh menghindarkan daripada tercetusnya punca-punca *syiqāq* atau tidak merelakan ianya berterusan.<sup>7</sup>

### **iii) Peringatan Kepada Isteri Tentang Besarnya Hak-Hak Suami Ke Atas Isteri**

Syariat telah menjelaskan bahawa hak yang perlu ditunaikan oleh isteri terhadap suami lebih besar. Seorang isteri yang solehah akan mengambil berat terhadap hak-hak ini dan akan menunaikannya dengan peribadi yang baik. Oleh itu sudah tentulah keadaan ini akan menolongnya menjauhkan dirinya daripada melakukan *syiqāq* terhadap suaminya.<sup>8</sup>

### **iv) Apa Yang Patut Dilakukan Suami Ketika Isteri Melakukan *Nusyūz***

Konflik yang berlaku di dalam rumah tangga suatu fenomena yang dipandang serius dalam Islam. Islam sebagai agama yang menjamin kesejahteraan ummah tidak membiarkan institusi kekeluargaan berada dalam kepincangan sehingga berlaku perceraian. Perceraian bukan jalan yang pertama dianjurkan

---

<sup>7</sup>Ibid.

<sup>8</sup>Ibid.

apabila berlaku kepincangan dalam rumah tangga, bahkan terdapat beberapa kaedah yang ditunjukkan oleh al-Quran sebagai panduan kepada suami isteri.

Ini dapat dilihat melalui firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nisā' ayat 34 yang berbunyi :

وَالَّذِي شَفَعْنَ نَشْوَرُهُنَّ فَيُظْهِرُهُنَّ وَأَهْجِزُهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضِرُّهُنَّ

Surah al-Nisā' (4): 34.

Ertinya: Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (*nusyūz*) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajar mereka).

Berdasarkan ayat tersebut bahawa penyelesaian *nusyūz* isteri perlu mengikut ketiga-tiga kaedah; iaitu menasihatinya, jika tidak berkesan dipindahkan tempat tidur dan langkah seterusnya dibenarkan memukul mereka dengan pukulan yang tidak mendatangkan kemudarat. Penjelasan terperinci kaedah tersebut adalah seperti berikut:

#### a) Memberi Nasihat

Menjadi kewajipan ke atas suami sebagai ketua keluarga mengatur rumahnya dan melaksanakan peraturan-peraturan Islam.<sup>9</sup> Allah memerintahkan orang-orang beriman supaya memelihara diri mereka daripada api neraka dengan perbuatan-perbuatan mereka dan memelihara keluarga mereka dengan memberi nasihat dan pandangan serta petunjuk. Ini adalah tuntutan yang lengkap dengan hukum-hukum syarak yang berupa suruhan dan larangan, meninggalkan maksiat,

<sup>9</sup>Sayyid Quṭb (1992), *Fī Zīlāl al-Qur'ān*, j. 6, c. 17, al-Qāhirah: Dār al-Syurūq, h. 2319.

mengerjakan ketaatan, sentiasa melakukan amalan-amalan kebaikan, menggalakkan isteri dan anak-anak mengerjakan kewajipan dan meninggalkan larangan serta mengawasi mereka supaya berbuat demikian.<sup>10</sup> Firman Allah s.w.t.:

تَنْهِيَّهُ الَّذِينَ ظَمَرُوا فِي أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُرْدَهَا أَلْثَانٌ  
وَالْجَحَارَةُ

Surah al-Tahrīm (66): 6.

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala).

Garis panduan yang pertama dinyatakan dalam al-Quran (فَعَظُوهُنَّ) untuk menyelesaikan *nusyūr* isteri bermaksud suami hendaklah menasihati istrinya tentang kewajipan-kewajipan yang ditentukan oleh syarak ke atasnya seperti mengeratkan hubungan dengan suami, melayaninya dengan penuh kasih sayang serta mengakui martabatnya.<sup>11</sup> Termasuk dalam erti kata nasihat juga ialah memperingati isteri dengan memberi berita gembira tentang ganjaran pahala di sisi Allah serta berita menakutkan yang berupa balasan azab daripada-Nya, seterusnya berikutan daripada itu memperingatinya dengan adab yang baik dalam pergaulan, setia dalam persahabatan, menunaikan hak ketaatan kepada suami dan mengiktiraf darjah suami ke atasnya.<sup>12</sup> Sesungguhnya nabi s.a.w. telah bersabda:

لَوْ أَمْرَتْ أَهْدَا إِنْ يَسْجُدُ إِلَى أَهْدَ لَأْمَرْتَ الْمَرْأَةَ إِنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا.

<sup>10</sup>Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-İfāsār al-Murīr fī al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*, j. 28, Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 320

<sup>11</sup>al-Qurtubī, op. cit., j. 5, h. 171.

<sup>12</sup>Abū Bakr Muḥammad ibn 'Abd Allāh ibn al-'Arabī (1996), *Aḥkām al-Qur'ān*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 532

Ertinya: Sekiranya aku menyuruh seseorang untuk sujud kepada seseorang lain, nescaya aku akan menyuruh seorang isteri supaya sujud kepada suaminya.<sup>13</sup>

Begitulah juga ada hadis berhubung dengan lakaat malaikat kepada isteri yang menolak ajakan suami untuk bersama sebagaimana sabda rasulullah §. 'a.w :

إِذَا بَاتَتِ الْمَرْأَةُ هَاجِرَةً فَرَأَشَ زَوْجَهَا عَنْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّىٰ تَصْبِحَ:

Ertinya: Apabila seseorang isteri itu tidur berasingan daripada katil suaminya (enggan bersetubuh) nescaya malaikat akan melaknatnya sehingga pagi.<sup>14</sup>

Begitu juga sebaliknya isteri yang direndai suami dijanjikan balasan syurga sebagaimana sabda rasulullah §. 'a.w :

أَيْمًا امْرَأً مَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَنْهَا رَاضٍ دَخَلَتِ الْجَنَّةَ.

Ertinya: Mana-mana perempuan yang mati dalam keadaan direndai oleh suaminya, nescaya akan masuk syurga.<sup>15</sup>

Imam al-Syāfi‘ī berpendapat nasihat ialah bermaksud suami hendaklah menerangkan kepada isteri yang *nusyūr* supaya takutkan Allah kerana suami mempunyai hak ke atasnya serta ketaatan suatu yang difardukan.<sup>16</sup>

<sup>13</sup> Muhammad 'Abd al-Rahmān ibn 'Abd al-Rahīm al-Mubārakfūri (t.t.), *Tubṣah al-Āḥwadzī bi Syarḥ Jāmi'* *al-Tarmidzī*, j. 4, Beirut: Dār al-Fikr, h. 323. Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī (1990), *Awn al-Ma'būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd*, j. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, hh. 125-126. Al-Imām Ahmad ibn Ḥanbal (1994), *al-Muṣnud*, j. 7, c. 2, Beirut: Dār al-Fikr, hh. 103-104. Al-Syaikh Khalil Ma'mūn Syīḥā (1996), *Sunan ibn Mājah bi Syarḥ al-Imām Abī al-Ḥasan al-Sindī*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h. 411. Al-Imām al-Ḥāfiẓ Zāki al-Dīn 'Abd al-'Azīm ibn 'Abd al-Qawwiyy al-Mundzirī (1968), *al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadīth al-Syarīf*, j. 3, c. 2, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 56. Abū Muḥammad al-Ḥusayn ibn Ma'sūd al-Baghawī (1994), *Syarḥ al-Sunnah*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr, h. 393.

<sup>14</sup> Al-Ḥāfiẓ Ahmād ibn 'Alī ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1993), *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 10, Beirut: Dār al-Fikr, h. 367. Al-Syaikh Khalil Ma'mūn Syīḥā (1993), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Muḥīṭ al-Jūn al-Nawawī*, j. 10, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h. 249. Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī (1990), op.cit., h. 126. al-Baghawī (1994), op cit

<sup>15</sup> al-Mubārakfūri (t.t.). op cit., h. 325. Syīḥā (1996), *Sunan ibn Mājah bi Syarḥ al-Imām Abī al-Hasan al-Sindī*, op cit., h. 312.

<sup>16</sup> al-Rāzī (1995), op cit., h. 72.

Menasihatinya termasuk menyatakan kesalahan yang dilakukan oleh isteri dan kesannya serta mengemukakan jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah yang timbul. Nasihat perlu menggunakan metod yang terbaik, kata-kata halus yang boleh melembutkan hati isteri dan tidak menggunakan perkataan kasar yang boleh menimbulkan kesan negatif.

Pada peringkat ini, pihak suami perlu bersikap positif seperti menahan emosi, sabar, bijak dan pandai memilih keadaan. Sekiranya nasihat, teguran, penerangan dan huraian yang diberikan oleh suami tidak mendatangkan apa-apa kesan, malah bertambah buruk dan pihak suami berkeyakinan tidak berkesan peringkat pertama ini, maka Islam membentarkan suami memilih peringkat kedua.

### b) Pindah Dari Tempat Tidur (Tidak Seketiduran)

Penyelesaian yang kedua dijelaskan di dalam al-Quran iaitu (وَاجْرُوهُنَّ فِي الْمَضَلِّعِ) pindah dari kesetiduran dengan isteri yang *nusyūz*. Terdapat beberapa pandangan dalam mentafsirkan ayat tersebut. Al-Qurtubī dalam tafsirnya menjelaskan ayat tersebut ialah pindah dari tempat tidur dengan erti kata menyenggeng serta membelakangi isteri dan tidak melakukan persetubuhan dengannya.<sup>17</sup> Ikrimah dan Abū al-Duhā menyatakan ayat tersebut bermaksud suami hendaklah meninggalkan percakapan sekalipun melakukan persetubuhan dengannya.<sup>18</sup> Imam al-Syāfi‘ī berpendapat bahawa meninggalkan percakapan

<sup>17</sup> al-Qurtubī (1987), op cit.

<sup>18</sup> Ibn al-‘Arabī (1996), op cit., h. 533.

tidak boleh lebih daripada tiga hari.<sup>19</sup> Ini berdasarkan kepada sabda rasulullah ﷺ yang berbunyi :

عَنْ أَبِي لَيْلَةِ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثَ لَيَالٍ بِلَتْقِيَانِ فَيُعَرِّضُ هَذَا وَخِرْهَا الَّذِي يَبْدُأُ بِالسَّلَامِ.

Ertinya : Daripada Abī Ayyūb al-Anṣārī bahawa rasulullah ﷺ bersabda: Tidak halal bagi seseorang muslim tidak bercakap dengan saudaranya lebih dari tiga hari tiga malam, apabila kedua-dua berjumpa masing-masing berpaling muka (tidak mahu melihat antara satu sama lain) dan yang paling baik daripada mereka itu ialah yang memulakan salam.<sup>20</sup>

Menurut pendapat Ibrāhīm, al-Sya'bī, Qatādah dan al-Ḥasan al-Baṣrī mengatakan bahawa suami jangan bersama dengan isterinya dan melakukan persetubuhan sehingga isteri yang *nusyūz* itu kembali taat kepadanya.<sup>21</sup> Menurut pendapat Sufyān bahawa suami masih bercakap dengan isteri dan melakukan persetubuhan dengannya tetapi dengan perkataan keras dan kasar.<sup>22</sup> Maksud tinggal dari tempat tidur ialah mengasingkan secara langsung kerana ayat tersebut telah jelas (واهْجُرُوهُنَّ فِي الْمُضَاجِعِ) bukan berbunyi (وَاهْجُرُوهُنَّ مِنْ مُضَاجِعِهِنَّ). Sebagaimana terdapat dalam tafsir Fatḥ al-Qadīr yang melarang suami berada dalam kain selimut isteri. Lafaz kinayah tersebut menjelaskan supaya suami meninggalkan persetubuhan.<sup>23</sup> Pada pendapat penulis, pandangan yang menyatakan maksud pindah dari tempat tidur iaitu mengasingkan secara langsung adalah lebih tepat untuk lebih mendidik isteri dan menyedarkannya.

<sup>19</sup> al-Rāzī (1995), op cit

<sup>20</sup> al-'Asqalānī (1993), op cit , j. 12, h. 117

<sup>21</sup> Ibn al-'Arabī (1996), op.cit.

<sup>22</sup>Ibid

<sup>23</sup>Muhammad ibn 'Alī ibn Muhammad al-Syawkānī (1992), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 1, Beirut: Dār al-Khayr, h. 517.

Pindah dari tempat tidur adalah satu cara daripada cara-cara mendidik dan ia adalah penyelesaian yang berfaedah kepada isteri yang rindukan suaminya.<sup>24</sup> Dengan erti kata lain tujuan penghukuman ini adalah untuk menghilangkan sifat isteri yang menderhakai.

Dalam melaksanakan tindakan ini, suami tidak boleh meninggalkan rumah dan tidak boleh melampau dalam tindakannya. Apabila isterinya telah kembali taat, suami hendaklah memberhentikan kesemua tindakannya dan suami tidak boleh sama sekali mencari jalan untuk menyusahkan isterinya atau membala dendam terhadapnya.<sup>25</sup> Jika kaedah kedua ini tidak berkesan untuk menyelesaikan *nusyūz* isteri, suami perlu mengambil langkah ketiga iaitu memukulnya.

### c) Pukul

Dalam tafsir al-Qurṭubī menyatakan bahawa jika langkah pertama dan kedua tidak berhasil suami dibolehkan memukul isterinya dengan bertujuan untuk menyelesaikan perselisihan.<sup>26</sup> Pukul ialah jalan terakhir yang dimiliki oleh suami dan ianya cara yang ditunjukkan dalam al-Quran.<sup>27</sup>

Apa yang dimaksudkan dengan pukul ini ialah pukulan yang tidak mencederakan isteri. Ini adalah cara yang terakhir untuk memperbaiki isteri yang

<sup>24</sup>Dr Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1974), *al-Zawāj wa al-Talāq fi al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, c. 2, Iskandariyah. Muassasah Syabāb al-Jāmi'iyyah, h. 234.

<sup>25</sup>Prof Madya Dr. Mat Saat 'Abd. Rahman (1993), *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Shah Alam: Hizbi Sdn Bhd., h. 275.

<sup>26</sup>al-Qurṭubī (1987), op cit , h. 172.

<sup>27</sup>Dr. Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1974), op.cit.

derhaka kepada suaminya. Tindakan ini hanya dibenarkan ketika darurat sahaja kerana sikap perempuan yang tidak berubah, maka isteri seperti ini tidak ada jalan lain yang berkesan melainkan dipukul.<sup>28</sup>

Tindakan memukul ini mempunyai garis panduan tertentu dan bukan mengikut hawa nafsu. Pukulan yang menggunakan kayu atau rotan adalah dilarang kerana akan mendatangkan kesan bahaya sebaliknya itu hendaklah dengan menggunakan benda yang lembut.

Memukul adalah kaedah yang diajar melalui al-Quran. Pukulan ini bukanlah yang boleh mendatangkan kemudaratan jasmani atau menghilangkan kemuliaannya sebagai insan yang sempurna tetapi pukulan ini sebagai mengajar dan menunjukkan jalan yang benar sebagai balasan yang adil disebabkan ia bersikap *nusyūz*.<sup>29</sup>

#### v) Menangani *Nusyūz* Suami

Dalam fiqh, istilah *nusyūz* suami digunakan tetapi tidak meluas sebagaimana *nusyūz* isteri. *Nusyūz* suami dapat ditafsirkan sebagai pengabaian dan enggan melaksanakan tanggungjawab atas kewajipannya sebagai seorang suami sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak. Demikian itu seperti tidak menunaikan hak-hak isteri di dalam pembahagian waktu atau nafkah atau

<sup>28</sup> Hassan Salleh (1989), *Asas Kekeluargaan Islam, Bahasan Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Mâlikî dan Hâfiâfi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 120

<sup>29</sup> al-Qurtubî (1987), op cit.

bercakap kasar atau bertindak kasar.<sup>30</sup> Dalil *nusyūz* suami sebagaimana Allah s.w.t. telah berfirman :

وَإِنْ أَمْرَأٌ لَّهُ خَافَتْ مِنْ نِعْنَاهَا نُشُورًا أَوْ إِغْرِيَّا فَلَا جُنَاحَ عَنْهُمَا أَنْ يُضْبِحَا بِنِنْفَتِ ضُلُّ وَالْأَصْنَعَ خَيْرٌ وَأَخْبَرَتِ الْأَنْفُرَ الْشَّرُّ وَلَنْ  
نُخْسِنُوا وَنَتَقْوِيُّا فِيْنَ اللَّهُ كَانَ بِمَا قَاتَلُونَ خَيْرًا

Surah al-Nisā' (4): 128.

Ertinya: Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyūz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berau); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semu'a jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan.

Dalam ayat di atas terdapat kalimah (خافت) bermaksud isteri menyangka apa yang akan berlaku.<sup>31</sup> Sebahagian ulama' menjelaskan perkataan tersebut sebagai mengetahui atau menyangka.<sup>32</sup> Sebahagian yang lain berpandangan bahawa perkataan tersebut memberi maksud takut. Ini adalah kerana sesuatu tidak akan berhasil melainkan terdapat tanda yang menunjukkan berlakunya takut.<sup>33</sup> Melalui perasaan takut seseorang isteri akan merasai dirinya terdedah kepada

<sup>30</sup>Dr Muṣṭafā al-Khin et al (1987), *al-Fiqh al-Manhājī Aḥkām al-Uṣrah wa Muḥaqqātuhā*, Dimasyq: Matba'ah al-Sabāh, h. 109

<sup>31</sup>al-Qurṭubī (1987), op.cit., h. 403.

<sup>32</sup>al-Rāzī (1995), op cit., h. 235.

<sup>33</sup>Ibid

talak. Dalam keadaan begini tidak menjadi halangan bagi kedua-keduanya mengadakan perdamaian.<sup>34</sup>

Pengertian ayat tersebut secara umum ialah apabila isteri mempunyai perasaan bimbang tentang gerak-geri suaminya yang telah mengabaikan tanggungjawab mengurus keluarga, berperasaan dingin terhadapnya serta memaling muka dan seumpamanya. Dalam keadaan begini, tidak menjadi halangan bagi keduanya mengadakan perdamaian untuk memperbaiki keadaan yang berlaku.<sup>35</sup>

Di dalam menyelesaikan *nusyūz* suami, syariat Islam telah memberi garis panduan tertentu untuk mengatasi masalah kekeluargaan. Apabila suami menunjukkan tanda-tanda *nusyūz*, maka isteri hendaklah mencari jalan yang terbaik untuk mengatasinya. Isteri seharusnya menunjukkan sifat yang terpuji, mengadakan penyelesaian sebagaimana kuasa yang diberikan kepada suami apabila isterinya *nusyūz*. Di antara penyelesaiannya ialah :

#### a) Mencari Punca Suami *Nusyūz*

Seseorang isteri hendaklah ia mencari punca-punca timbulnya suami *nusyūz* sebagaimana seorang doktor yang ingin mengubat pesakit, pertamanya ia mesti tahu apakah penyakit yang dihidapi dan fikirkan apakah ubat yang sesuai. Begitu juga isteri yang waras semestinya ia mengetahui gerak-geri suaminya seperti perangai, suasana kebiasaan, suasana pergaulan dan sebagainya. Melalui

<sup>34</sup>al-Qurṭubī (1987), op.cit.

<sup>35</sup>Ibid.

pengetahuan yang sedemikian, beliau akan dapat mengawal suaminya daripada *nusyūl*.

**b) Nasihat**

Setelah langkah di atas dilakukan, isteri juga perlu menasihati suami sekadar yang mampu dengan menggunakan cara yang terbaik sebagai jalan untuk mengadakan perdamaian.

**c) Lapor Kepada Mahkamah**

Apabila isteri dapat suaminya bersikap *nusyūl* dan enggan mengadakan perdamaian serta menunjukkan sikap yang buruk seperti melakukan kezaliman, penganiayaan, memukul dan seumpamanya. Dalam keadaan begini, isteri hendaklah melaporkan kepada pihak mahkamah supaya haknya akan terbela.<sup>36</sup> Melalui tindakan suami yang di luar perikemanusiaan itu akan memberi kemudaran kepada isteri dan tidak terdaya baginya untuk menyelesaikan secara individu melainkan dibawa pengaduan ke mahkamah.

Dalam konteks masyarakat kita sekarang ini, ada yang berpandangan bahawa wanita harus melakukan sesuatu jika ingin menyelamatkan rumah tangga dan mempertahankan tindakan zalim suaminya terhadap dirinya. Sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Quran, wanita mungkin perlu berunding dengan teman-teman karib atau dengan sanak saudara atau badan-badan profesional untuk mendapat bantuan.

---

<sup>36</sup>al-Khin et al (1987), op.cit.

Apakah yang dapat dilakukan oleh seorang wanita jika suaminya mendera atau bersikap kejam terhadapnya, jika si suami enggan mengakui bahawa beliau tidak melakukan sesuatu kesalahan dan tidak berusaha untuk mengubah sikapnya, maka si isteri perlu melakukan beberapa langkah yang tertentu iaitu:<sup>37</sup>

- i) Mengadakan perundingan dengan sanak saudara tersebut yang dapat dipercayai dan dikira dapat memberi nasihat kepada si isteri dan suami samada sanak saudara sebelah isteri atau dari sebelah keluarga suami. Sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran :

وَإِنْ أَمْرَأٌ لَا تَحْاْفَثُ مِنْ بَعْلِهَا ثُلُّوْرًا أَوْ إِغْرِاصًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُضْلِلُهَا بِتَنْهُّمَا مُلْحًا وَالصُّلُخُ خَيْرٌ وَأَخْسَرُ الْأَنْفُلُ الشُّرُكُ وَإِنْ  
ثَخِينُوا وَتَقْتُلُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Surah al-Nisâ' (4): 128.

Ertinya: Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyūz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya). kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan.

- ii) Melaporkan peristiwa penderaan yang terbaru kepada polis dan pihak berkuasa perubatan, sebaik-baiknya sebuah hospital kerajaan. Dengan mengemukakan laporan tersebut, suatu rekod rasmi tentang sebarang bentuk kecederaan yang dialami telah dapat diwujudkan. Rekod tersebut mungkin

<sup>37</sup> Temubual dengan Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Hj. Saarif b. Asron pada Januari 2002.

- ada gunanya kemudian kelak, jika si isteri hendak membuka perkara tersebut ke mahkamah.
- iii) Kemukakan suatu aduan di Unit Kaunseling di Jabatan Agama setempat. Laporan yang demikian memudahkan maksud pelapornya untuk mengambil tindakan undang-undang baik untuk mendakwa kerana kekejaman yang dilakukan, menuntut cerai mahupun untuk memperolehi perlindungan.
  - iv) Kemukakan suatu aduan tentang kekejaman suami kepada Mahkamah Syariah setempat.

Mahkamah tersebut dapat diminta agar melindungi si isteri dengan mengeluarkan perintah mahkamah supaya si suami memberhentikan perbuatan menzalimi dan mencederakan isteri. Jika si suami terus melakukan kekerasan terhadap isterinya maka beliau boleh dipenjarakan atau didenda, namun demikian perintah mahkamah ini hanya boleh dikeluarkan jika si isteri bermaksud untuk menuntut cerai.

### **3.3.2. *Tahkīm***

*Tahkīm* merupakan salah satu dari beberapa institusi sokongan kepada sistem keadilan dalam Islam. Ini kerana ia adalah saluran yang diperundangkan bagi menyelesaikan di antara pihak-pihak yang bertikai seperti dalam pertikaian antara suami dan isteri. Sebagaimana juga hakim menyelesaikan di antara yang bertikai di dalam mahkamah. Berikutnya penulis akan menjelaskan konsep *tahkīm*, syarat-syarat dan hukum-hukumnya.

## i) Pengertian *Hakam*

*Hakam* dari segi bahasa adalah orang yang dipilih untuk menyelesaikan pertelingkahan di antara dua pihak.<sup>38</sup> Berasal dari perkataan *ḥukm* (حُكْم) dan kata terbitan “*ḥākim*” (الحاكم).

Mengikut Kamus Dewan “*hakam*” ialah orang tengah, pendamai atau *wasīl*.<sup>39</sup> *Hakam* juga disebut sebagai timbangtara, iaitu penyelesaian kepada apa tuntutan perselisihan dan lain-lain menerusi orang tengah.<sup>40</sup>

Dari segi istilah pula, ulama’ fiqh muktabar telah memberikan dua pengertian yang berbeza mengenai konsep *hakam* menurut istilah syarak.

Satu pendapat mengatakan *hakam* bermaksud wakil. Ini merupakan pendapat Imam Abū Ḥanīfah dan Imam al-Syāfi’ī. Manakala Imam Mālik berpendapat *hakam* bermaksud hakim.<sup>41</sup>

Walaupun terdapat perbezaan pendapat ulama’ berkaitan dengan konsep *hakam* ini tetapi perbezaan pendapat ini tidak menafikan fungsi *hakam* itu sebagai pendamai kepada perselisihan yang berlaku di antara suami isteri. Sebaliknya

<sup>38</sup>Dr Ibrāhīm Anīs *et al* (1972), *al-Mu’jam al-Wāṣīl*, j. 1, c. 2, al-Qāhirah. Dār al-Ma’ārif, h. 190. Dr Ibrāhīm Madkūr (1990), *al-Mu’jam al-Wajīz*, al-Qāhirah. Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah, h. 165. Aḥmad al-‘Āyid *et al* (1988), *al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asāvī*, Tunis: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-Ulūm, h. 341. Sa’dī Abū Jayb (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughah wa l-ṣūlāhā*, c. 2, Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 96.

<sup>39</sup>Dr. Teuku Iskandar (1998), *Kamus Dewan*, c. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 428.

<sup>40</sup>Ibid., h. 1447.

<sup>41</sup>Al-Imām al-Qādī Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī (1996). *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 416.

perbezaan pendapat ini memberikan implikasi berbeza terhadap kuasa yang dimiliki oleh *hakam* samada *hakam* itu mempunyai kuasa penuh mendamaikan atau menceraiakan pasangan yang berselisih faham itu atau perlu mendapat keizinan daripada pasangan itu untuk membuat keputusan tersebut.

## ii) Dalil Pensyariatan *Taḥkīm*

Adapun dalil daripada al-Quran, firman Allah s.w.t. :

وَإِنْ جَعَلْتُمْ بِسْقَانَ بَيْنَهُمَا فَإِنَّمَا أَنْهَاكُمْ  
وَحَكْمًا مِنْ أَنْفُسِهِمَا إِنْ يُرِيدُوا إِلْتِحَاصًا بِوَقْتِ اللَّهِ بَيْنَهُمَا إِنْ  
اللَّهُ كَانَ عَلَيْهِمَا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

Surah al-Nisā' (4): 35.

Ertinya: Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakaat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuan-Nya.

Maksud daripada ayat tersebut bahawa pasangan suami isteri akan melantik *hakam* bagi memilih satu landasan mengekalkan perkahwinan dengan menyingkirkan perselisihan di antara mereka berdua jika mungkin, dan jika tidak mungkin maka pilihannya ialah perceraian. Apabila *taḥkīm* diharuskan dalam hak suami isteri maka ini menunjukkan keharusan bertarjumah dalam semua pertikaian dan dakwaan.<sup>42</sup>

<sup>42</sup>Dr. Abd al-Karīm Zaydān (1995), *Niẓām al-Qaḍā’ fi al-Syarī‘ah al-‘Āmiyyah*, c. 3, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 292.

## Dalil daripada al-Sunnah :

### a) Hadis pertama

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِأَبِي شَرِيعٍ لَّيْ شَرِيعٌ لِّلَّهِ هُوَ الْحَكَمُ وَلِيَهُ الْحَكَمُ فَلَمْ يَكُنْ لِّأَبَا الْحَكَمٍ<sup>؟</sup>  
فَقَالَ إِنْ قَوْمِيْ إِذَا اخْتَلَفُوا فِي شَيْءٍ أَتَوْنِي فَحَكِّمْتَ بَيْنَهُمْ فَرِضْتِ كُلَّاً الْفَرِيقَيْنَ قَالَ  
مَا أَحْسَنَ مِنْ هَذَا فَمَا لَكَ مِنْ الْوَلَدِ قَالَ لَيْ شَرِيعٌ وَعَدَ اللَّهُ وَمَسَّلَهُ قَالَ فَمَنْ  
أَكْبَرُ هُدَى قَالَ شَرِيعٌ قَالَ فَأَنْتَ أَبُو شَرِيعٍ فَدُعَا لَهُ وَلَوْلَاهُ .

Maksudnya: Bahawa Nabi s.a.w telah berkata kepada Abī Syurayh: Sesungguhnya Allah Dialah *Ḥakam* dan Kepada-Nyalah hukuman maka kerana apa kamu digelarkan dengan Aba al-*Ḥakam*? lalu Syurayh menjawab: Sesungguhnya kaum saya apabila mereka bertikai dalam sesuatu perkara, mereka datang kepada saya (bagi mendapat penyelesaian) maka saya menghukum di antara mereka dan kedua-dua pihak itu menerima keputusan dengan rela hati. Baginda berkata: Alangkah baiknya cara ini, apakah kamu mempunyai anak? Jawab Abū Syurayh ada anak nama Syurayh, ‘Abd Allāh dan Muslim, kemudian baginda bertanya lagi, siapakah yang tertua sekali di antara mereka? Jawab beliau, Syurayh. Baginda terus berkata. Kamu adalah

Abū Syurayh maka baginda berdoa baginya dan anaknya.<sup>43</sup>

### b) Hadis Kedua

عَنْ عَبْدِةَ أَنَّهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ وَامْرَأَةٌ إِلَى عَلِيٍّ وَمَعَ كُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا قَسَامٌ مِّنَ النَّاسِ، فَأَمْرَرُوهُمْ عَلَيَّ فَبَعْثَرُوا حُكْمَانِ أَهْلِهِ وَحُكْمَانِ مِنْ أَهْلِهِ، ثُمَّ قَالَ لِلْحَكَمَيْنِ: أَتَرِيَانِ مَا عَلَيْكُمَا؟ عَلَيْكُمَا إِنْ رَأَيْتُمَا أَنْ تَجْمِعَا أَنْ تَغْرِقَا أَنْ تَغْرِقَا أَنْ تَغْرِقَا. قَالَ: قَاتَلْتُ امْرَأَةً: رَضِيَتْ بِكَتَابِ اللَّهِ بِمَا عَلَيْهِ فِيهِ وَلِيٌّ، وَقَالَ الرَّجُلُ: أَمَا الغَرْقَةُ فَلَا، قَالَ عَلَيِّ: كَذَبْتَ وَاللهُ حَتَّى تَغْرِقَ بِمِثْلِ الذِّي أَفَرْتَ بِهِ.

Maksudnya : Daripada ‘Ubaydah bahwasanya ia berkata: Telah datang lelaki dan perempuan kepada ‘Alī bersama mereka sekumpulan manusia dan ‘Alī mengarahkan mereka melantik seorang *ḥakam* dari keluarga lelaki dan seorang *ḥakam* dari keluarga perempuan, kemudian ‘Alī berkata kepada kedua-dua *ḥakam*: Apakah kamu tahu apa yang wajib kamu lakukan? Kewajipan kamu ialah jika kamu berpendapat mendamaikan keduanya maka damaikanlah dan jika kamu berpendapat menceraikannya keduanya, maka ceraikanlah. Dia berkata: Kata perempuan itu : Aku rela apa yang ditetapkan oleh kitab Allah kepadaku dan bagiku. Jawab suaminya : Aku tidak bersedia untuk bercerai. ‘Alī berkata : Engkau dusta, demi Allah engkau tidak boleh beredar daripadaku sehingga engkau mengakui sebagaimana dia mengakui.<sup>44</sup>

<sup>43</sup>Abū ‘Abd al-Rahmān Ahymad ibn Syu’ayb ibn ‘Alī al-Nasā’i (1930), *Sunan al-Nasā’i bi Syarḥ al-Hāfiẓ Juz’ al-Jāmi’ al-Suyūfi*, j. 8, Beirut: Dār al-Fikr, hh. 226-227

<sup>44</sup>al-Baghawī (1994), op cit . j. 6, h. 414.

### c) Hadis ketiga

عن مالك أنه بلغه أن علي بن أبي طالب قال في الحكمين اللذين قال الله تعالى -  
وَإِنْ خَفْتُمْ شَقَاقَ بَيْنَهُمَا فَاْبْعُثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا إِنْ يَرِدَا أَصْلَاجًا  
يُوقَّفُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنْ أَشَّ كَانَ عَلَيْهِمَا خَبِيرًا - إِنَّ إِلَيْهِمَا الْفَرْقَةَ بَيْنَهُمَا وَالْجَمَاعَةَ

Maksudnya : Daripada Mâlik disampaikan kepadanya bahawasanya 'Alî ibn Abî Tâlib, telah berkata kepada dua orang *hakam* yang mana Allah Taala berfirman (maksudnya) - dan sekiranya kamu takut berlaku perselisihan di antara keduanya maka kirimkanlah seorang *hakam* dari keluarga lelaki dan seorang *hakam* dari keluarga perempuan, jika keduanya bersetuju mengadakan pembaikan, nescaya Allah akan menunjukkan jalan, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Mendalam pengetahuan-Nya sesungguhnya bagi kedua-dua mereka bercerai dan berdamai.<sup>45</sup>

Di sana terdapat beberapa *āthār* daripada sahabat-sahabat rasulullah š. 'a.w., di antara lain, 'Umar ibn al-Khaṭṭāb, Ubay ibn Ka'b, Zayd ibn Thābit yang menunjukkan keharusan ber*tahkim*. Apabila 'Umar ibn al-Khaṭṭāb bertikai dengan Ubay ibn Ka'b tentang sekeping tanah, mereka berdua melantik Zayd ibn Thābit sebagai *hukam*, lalu Zayd menyelesaikan pertikaian mereka berdua. 'Uthmān dan Talḥah pernah menghakimkan Jubayr ibn Muṭ'im sedangkan beliau bukan seorang hakim.<sup>46</sup>

### iii) Perbezaan Di Antara *Hakam* Dan *Hakim*

Walaupun *hukum* dan *hakim* berasal dari kata terbitan yang sama iaitu "hukm" (حُكْم) tetapi dari segi penggunaan, terdapat perbezaan yang jelas di antara keduanya. Tugas dan bidangkuasa hakim adalah lebih meliputi semua bidang

<sup>45</sup>Mâlik ibn Anas (1985), *al-Muwattâ'*, j. 2, Beirût: Dâr Ihyâ' al-Turâth al-'Arabi, h. 584.

<sup>46</sup>Zaydân (1995), op.cit.

kehakiman, manakala *hakam* pula sebagai badan pendamai (*tahkīm*) untuk menyelesaikan perselisihan di antara suami dan isteri.<sup>47</sup>

Kedudukan *hakam* adalah lebih rendah daripada hakim dari segi bidang kuasa kerana hakim berhak memeriksa dan mengadili perselisihan faham yang tidak dapat dilakukan oleh seorang *hakam*. Lantaran itu Abū Yūsuf tidak membenarkan kita mengadakan sesuatu syarat terhadap *hakam* (Badan *Tahkīm*).<sup>48</sup>

Selain daripada hukum yang diberikan oleh *hakam* hanya mengikat orang-orang yang menerima keputusannya sahaja sedangkan hukum daripada hakim mengikat semua pihak walaupun tidak diterima oleh orang yang berkaitan dengannya.<sup>49</sup>

#### iv) Kelayakan *Hakam*

Para ulama' fiqh telah berpendapat bahawa harus melantik *hakam* dari kalangan keluarga iaitu seorang *hakam* dari keluarga lelaki dan seorang *hakam* dari keluarga perempuan. Ini adalah berdasarkan firman Allah :

فَلَا يُنْهَا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا

Surah al-Nisā' (4): 35.

Ertinya: Maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan.

<sup>47</sup> Muṣṭafā Ḥaṣmad al-Zarqā' (1967), *al-Fiqh al-Islāmī fi Thauhib al-Jadid*, j. 1, Dimasyq: Kulliyah Jāmi'ah Dimasyq, h. 555.

<sup>48</sup> Ibid

<sup>49</sup> Ibid

Walaupun ayat ini jelas menetapkan perlantikan *hakam* dari kalangan keluarga namun dalam keadaan tertentu ulama' berpendapat mengatakan harus melantik *hakam ajnabi* iaitu yang tiada pertalian darah dengan pasangan suami isteri. Contohnya dalam kes sekiranya pasangan tersebut tidak mempunyai ahli keluarga atau pun ada tetapi tidak mempunyai kelayakan.

Mengenai kelayakan *hakam*, para fuqaha' telah menggariskan beberapa syarat tertentu untuk perlantikan *hakam* iaitu Islam, baligh, berakal, adil, lelaki, merdeka dan beberapa syarat lain mengikut pendapat ulama' tertentu.<sup>50</sup>

### a) Isiam

Dua orang *hakam* yang dilantik mestilah beragama Islam samada *hakam* yang dilantik itu berfungsi sebagai wakil atau hakim kerana persaksian dan keterangan orang kafir tidak diterima di dalam kes-kes yang berkaitan dengan agama islam. Ini adalah berdasarkan firman Allah :

وَأَشْهُدُوا مَذْكُورَةً عَدْلٍ يَتَكَبَّرُونَ

Surah al-Țalāq (65): 2.

Ertinya: Dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa kamu merujukkan atau melepaskannya).

Menurut pendapat al-Ḥasan, kesaksian adalah di kalangan orang Islam.<sup>51</sup> Berdasarkan ayat di atas dapat difahami bahawa orang kafir adalah golongan yang tidak adil dan tidak beriman, malah mereka tidak tunduk kepada perintah-perintah

<sup>50</sup> Al-Syaikh Syams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1994), *Muḡhnī al-Muḥṭāj ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfiẓ Al-Miṣbāḥ*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 429  
<sup>51</sup> al-Qurtubī (1987), op cit., j. 18, h. 159

Allah, sebaliknya mendustainya.<sup>52</sup> Oleh yang demikian mereka tidak layak untuk menjadi saksi lebih-lebih lagi menjadi hakim atau *hakam*.

### b) Baligh dan Berakal

Ulama' fiqh telah menetapkan baligh dan berakal sebagai syarat kelayakan *hakam*. Kanak-kanak dan orang gila tidak diterima menjadi *hakam* kerana mereka sendiri tidak mampu menguruskan diri sendiri, apatah lagi membuat keputusan bagi pihak orang lain. *Hakam* mempunyai tanggungjawab yang besar dan memerlukan penelitian yang mendalam untuk menyelesaikan masalah rumah tangga orang yang melantiknya. Firman Allah :

وَأَنْتَقِهُدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ

Surah al-Baqarah (2): 282.

Ertinya: Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu.

Berdasarkan ayat ini ulama' tafsir telah mentafsirkan perkataan (رجالكم) iaitu seorang saksi yang beragama Islam, baligh dan bukan saksi kanak-kanak atau orang gila.<sup>53</sup>

### c) Adil

Para ulama' telah sepakat menetapkan adil merupakan syarat perlantikan *hakam*. Sifat adil ini menjamin seseorang *hakam* membuat keputusan yang adil dan menolak kezaliman terhadap pasangan suami isteri yang berkrisis.

<sup>52</sup> Al-Syaikh Syams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1994), *al-Iqnā' fī Hall Alfāz Abī Ṣayyād*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 635.

<sup>53</sup> al-Qurtubī (1987), op.cit., j. 3, hh.. 389-392.

Sekiranya *ḥakam* dilantik dari kalangan orang yang fasik sudah tentu suami isteri yang bersengketa akan teraniaya.<sup>54</sup> Keterangan dan keputusan dua orang *ḥakam* akan dipertimbangkan oleh *ḥakam* untuk menyelesaikan krisis rumah tangga seseorang, sudah tentu keterangan dan keputusan itu mestilah lahir daripada *ḥakam* yang adil dan *ḥakam* yang fasik tidak diterima. Ini adalah berdasarkan firman Allah :

يَتَأْتِيهَا الْذِينَ عَامَّنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَبَيِّنُوهُ

Surah al-Ḥujurāt (49): 6.

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya.

Al-Syaikh Muḥammad Khaṭīb al-Syarbīnī telah menyebutkan lima syarat adil di dalam kitabnya iaitu seseorang yang dianggap adil tidak melakukan dosa-dosa besar, tidak menghimpunkan dosa-dosa kecil, sejahtera aqidahnya, dapat mengawal dirinya daripada sifat marah dan mampu memelihara maruahnya.<sup>55</sup>

#### d) Lelaki

Mazhab Mālikī<sup>56</sup> dan Ḥanbalī<sup>57</sup> telah mensyaratkan *ḥakam* dilantik di kalangan lelaki sahaja dan ini bermakna wanita tidak diterima sebagai *ḥakam*. Ulama' telah menetapkan *ḥakam* adalah lelaki kerana menurut pandangan mereka lelaki lebih menurut kepada apa yang dilihat dan apa yang difikirkannya, bukan

<sup>54</sup>Ibid., j. 5, h. 175.

<sup>55</sup>al-Syarbīnī (1994), op.cit., hh. 636-638

<sup>56</sup>Ibn Rusyd al-Qurtubī al-Andalusī (1996), op.cit., j. 2, h. 344.

<sup>57</sup>Muwaqqaf al-Dīn Abū Muḥammad Abd Allāh ibn Aḥmad ibn Qudāmah (1994), *al-Muğmī wa al-Šarḥ al-Kabīr*, j. 11, Beirut: Dār al-Fikr, h. 381.

berdasarkan emosinya dengan kata lain lelaki lebih teliti di dalam membuat keputusan dan tetap pendirian berbanding perempuan. Manakala dalam mazhab Syāfi‘ī tidak mensyaratkan *hakam* di kalangan lelaki.<sup>58</sup>

#### e) Merdeka

Mazhab Syāfi‘ī mensyaratkan *hakam* mestilah orang yang merdeka.<sup>59</sup>

Menurut Jumhur ulama’, hamba tidak diterima persaksiannya.<sup>60</sup> Sekiranya bertindak sebagai wakil sahaja, *hakam* hamba diterima kerana mewakilkan sesuatu perkara kepada seorang hamba adalah harus sekiranya diizinkan oleh tuannya.<sup>61</sup>

#### f) Syarat-syarat Lain

Al-Qurṭubī berpendapat *hakam* mestilah seorang yang adil dan mempunyai pandangan dan pengetahuan yang baik dalam ilmu fiqh.<sup>62</sup> Selain dari itu *hakam* mestilah mempunyai sikap sabar dan tidak tergesa-gesa di dalam membuat keputusan. *Hakam* juga mestilah mengambil sikap berkecuali dan tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak tetapi lebih menumpukan perhatian untuk mendamaikan mereka. Selain dari itu *hakam* juga hendaklah mempunyai kebijaksanaan di dalam mengawal keadaan dan menenangkan kedua belah pihak

<sup>58</sup> al-Syarbīnī (1994), *Muḡhnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz Al-Minhāj*, op.cit.

<sup>59</sup> Ibid

<sup>60</sup> Ibn Qudāmah (1994), op.cit.

<sup>61</sup> Zaydān, *al-Mufassal fi Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, op.cit., h. 421.

<sup>62</sup> al-Qurṭubī (1987), op.cit.

supaya mereka berdua dapat memberikan pandangan terhadap masalah mereka itu dengan fikiran yang terbuka dan tidak mengikut perasaan.<sup>63</sup>

Jelasnya dalam perlantikan *hakam*, pemilihan mereka yang benar-benar berkelayakan amatlah penting. Seorang *hakam*, selain dari mempunyai hubungan rapat dengan pasangan yang berkrisis dan juga melengkapi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama' fiqh. Ini memandangkan tugas *hakam* itu amat berat dan keputusan yang dibuat oleh *hakam* mestilah tepat supaya tidak menganiaya pasangan yang berkrisis. Jelasnya pemilihan yang berkelayakan menjamin keadilan keputusan yang dibuat dan memelihara kemaslahatan suami isteri.

#### v) Perlantikan *Hakam*

Perlantikan dua orang *hakam* adalah amat perlu bagi menyelesaikan perselisihan suami isteri, maka pihak yang bertanggungjawab wajib melantik *hakam* bagi mendamaikan mereka. Persoalannya di sini, siapakah yang mempunyai kuasa melantik *hakam* ini, samada hakim atau kedua suami isteri yang terlibat.

Berdasarkan surah al-Nisā' ayat 35, ahli tafsir telah berselisih pendapat mengenai perkataan (إِنْ هُوَ مُعْلَمٌ), kepada siapakah perkataan ini ditujukan. Menurut pendapat Jumhur ulama', ayat ini ditujukan kepada hakim dan pemerintah.<sup>64</sup> Ibn Jubayr, al-Dahāk dan lain-lain berpendapat bahawa ayat ini ditujukan kepada

<sup>63</sup>Mohd Jamil bin Hussein (1983), Sistem Hakam Di Malaysia, Perbandingan Dengan Negara-Negara Islam Lain (Kertas Projek, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya), h. 4

<sup>64</sup>al-Qurṭubī (1987), op.cit. Muḥammad 'Alī al-Šābūnī (1980), *Ṣaṣwah al-Taqāfir*, j. 1, al-Qāhirah Dār al-Bayān al-'Arabī, h. 275. Al-Imām Sulaymān ibn 'Umar al-'Ujaylī (1996), *al-Futūḥat al-ḥāfiyyah*, j. 2, Beirut. Dār al-Kutub al-Imīyyah, h. 49. Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Tabārī (1988), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Ayat al-Qur'ān*, j. 4, Beirut: Dār al-Fikr, h. 70.

pemerintah.<sup>65</sup> Ada pula setengah pendapat menyatakan ayat ini ditujukan kepada seluruh orang-orang yang beriman.<sup>66</sup>

Al-Suddī pula mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau mengatakan ayat ini ditujukan kepada suami isteri yang bersengketa itu agar melantik dua orang *hakam* sebagai wakil untuk menyelesaikan perselisihan yang berlaku di antara mereka.<sup>67</sup>

Berdasarkan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh para ulama', penulis berpendapat pandangan jumhur adalah lebih tepat dalam masalah perlantikan *hakam* ini. Jelasnya hakim atau pemerintah yang mempunyai kuasa melantik dua orang *hakam* bagi menyelesaikan perselisihan di antara suami isteri.

Ini memandangkan kuasa yang ada pada hakim dan pemerintah dan juga penghormatan orang ramai terhadap institusi kehakiman. Ditambah pula perintah hakim dan pemerintah adalah lebih mengikat orang ramai untuk melaksanakannya. Mereka lah yang bertanggungjawab untuk memelihara institusi kekeluargaan dengan berlandaskan keadilan dan mencegah kezaliman.

Ulama' fiqh telah bersepakat mengatakan bahawa perlantikan *hakam* itu harus dari kalangan keluarga suami isteri iaitu seorang *hakam* dari keluarga suami dan seorang *hakam* dari keluarga isteri.<sup>68</sup> Ini adalah berdasarkan firman Allah :

<sup>65</sup> Al-'Allāmah Abū al-Faḍl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī (1994), *Rūh al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz wa al-Sab' al-Mathānī*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 26.

<sup>66</sup> al-Rāzī (1995), op. cit., h. 74.

<sup>67</sup> al-Alūsī (1994), op. cit.

<sup>68</sup> Ibn Rusyd al-Qurtubī al-Andalusī (1996), op. cit., h. 74.

فَإِنْ شَوَّا حَكَمًا بَيْنَ أَهْلِهِ وَحَكَمَ مَا قَرِنَ أَهْلَهُ

Surah al-Nisā' (4): 3

Ertinya: Maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan.

Oleh yang demikian, sekiranya perselisihan yang berlaku di antara suami isteri iaitu amat serius dan kedua-duanya gagal untuk menyelesaiannya, maka adalah wajib bagi kadi melantik *hakam* dari keluarga suami dan seorang *hakam* dari keluarga isteri untuk mendamaikan mereka dan seterusnya menyelesaiannya perselisihan itu.<sup>69</sup>

Walaupun ulama' telah sepakat mengatakan bahawa perlantikan *hakam* ini hendaklah daripada kalangan keluarga suami isteri berdasarkan ayat yang telah disebutkan di atas, namun ayat ini bukanlah merupakan suruhan wajib. Menurut Imam al-Syāfi'ī suatu yang digemari bahawa mengutus dua orang *hakam* yang adil dan melantik mereka sebagai *hakam* lebih utama seorang di kalangan keluarga lelaki dan seorang di kalangan keluarga perempuan.<sup>70</sup>

Ini bermakna pemilihan ahli keluarga suami isteri sebagai *hakam* bukanlah mutlak, sebaliknya harus melantik mereka yang bukan dari ahli keluarga suami isteri sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat *hakam* yang telah ditetapkan.

Rasionalnya pemilihan ahli keluarga sebagai orang yang lebih layak menjadi *hakam* adalah kerana mereka merupakan orang yang lebih rapat dan amat

<sup>69</sup> Muhyī al-Dīn Yaḥyā ibn Syaraf Abū Zakariyyā al-Nawawī (1995), *Raudah al-Jalīlīn wa 'Umdah al-Muttaqīn*, j. 6, Beirut: Dār al-Fikr, h. 348.

<sup>70</sup> al-Rāzī (1995), op cit

dipercayai oleh pasangan suami isteri yang berkrisis. Kedua-keduanya tidak akan merasa bimbang *ḥakam* ini berkemungkinan akan menyebarkan rahsia-rahsia yang menjadi punca perselisihan mereka.

Selain daripada itu, terdapat juga ulama' tafsir yang berpendapat perlantikan *ḥakam* harus daripada kalangan keluarga kerana mereka lebih mengetahui hal keadaan suami isteri itu dan dapat memelihara rahsia-rahsia keaiban keduanya daripada orang luar.<sup>71</sup> Tambahan pula pada kebiasaan keluarga lebih mengharapkan pasangan itu berdamai bahkan mereka mempunyai pendirian yang lebih kukuh daripada *ajnabī*.

Walaupun di dalam masalah perlantikan *ḥakam* ini, ulama' telah sepakat mengatakan *ḥakam* hendaklah dilantik daripada kalangan ahli keluarga, namun di dalam keadaan tertentu diharuskan juga melantik *ḥakam* yang *ajnabī*, iaitu mereka yang tiada pertalian darah dengan pasangan suami isteri.

Di dalam Tafsir al-Qurṭubī menyebutkan sekiranya tidak ada kaum keluarga, bolehlah dilantik orang luar yang adil dan berilmu untuk mengelak berlakunya kemudaratatan.<sup>72</sup> Perlantikan *ḥakam* daripada kalangan ahli keluarga diutamakan daripada *ajnabī* sekiranya pasangan suami isteri masih mempunyai ahli keluarga.<sup>73</sup>

Berdasarkan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh para ulama', penulis berpendapat ahli keluarga merupakan pilihan yang lebih tepat dan

<sup>71</sup>Ibid

<sup>72</sup>al-Qurṭubī (1987), op.cit.

<sup>73</sup>al-Nawawī (1905), op.cit., h. 349.

layak untuk dilantik sebagai *hakam*. Di samping mempunyai pertalian dengan suami isteri, mereka juga merupakan orang yang lebih rapat dan let mengetahui hal keadaan keduanya. Lebih-lebih lagi mereka adalah orang yang dipercayai oleh suami isteri dan lebih mengambil berat tentang perdamaian pasangan itu.

Walaupun demikian, penulis bersetuju bahawa pemilihan ini bukan mutlak. Ini bermakna pemilihan *hakam* daripada kalangan ahli keluarga adalah diutamakan, tetapi orang yang *ajnabi* boleh dilantik sebagai *hakam* sekiranya melengkapi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan mengetahui dengan lebih mendalam punca perselisihan suami isteri dan cara penyelesaiannya. Ini juga berlaku sekiranya pasangan suami isteri itu tidak mempunyai ahli keluarga untuk dilantik sebagai *hakam*.

#### **vi) Taraf *Hakam***

Para ulama' telah sepakat mengatakan harus melantik dua orang *hakam* untuk mencari perdamaian bagi suami isteri yang berkrisis. Walau bagaimanapun terdapat perselisihan pendapat di kalangan mereka mengenai taraf *hakam*, samada ianya boleh dianggap sebagai hakim atau wakil bagi pasangan suami isteri yang berkrisis. Penentuan taraf *hakam* ini memberikan implikasi berbeza kepada kuasa yang ada pada *hakam* itu sendiri.

Bagi yang berpendapat *hakam* itu mempunyai taraf yang sama dengan hakim, mereka mengatakan *hakam* berkuasa penuh untuk menceraikan pasangan suami isteri yang berkrisis. Sebaliknya mereka yang berpendapat *hakam* sebagai wakil, mengatakan *hakam* tidak boleh menceraikan pasangan tersebut melainkan

dengan mendapat keizinan daripada mereka (pemerintah) atas sifatnya sebagai wakil.<sup>74</sup>

Kesimpulannya, tugas utama *hakam* ialah mencari jalan perdamaian kepada krisis rumah tangga yang dihadapi oleh suami isteri. Walau bagaimanapun, sekiranya krisis tersebut serius dan tidak ada jalan penyelesaian melainkan perceraian, maka penulis bersetuju dengan pendapat yang menyatakan *hakam* mempunyai kuasa untuk memisahkan pasangan yang berkrisis tanpa mendapat keizinan daripada pasangan itu. Ini adalah untuk mengelakkan kemudaratan kepada pasangan tersebut jika rumah tangga mereka dikekalkan.

#### vii) Keputusan *Hakam*

Apabila *hakam* mengeluarkan keputusannya pada perkara yang dipertikai yang telah ditahkīmkan, maka apakah keputusan ini mengikat kedua-dua belah pihak dengan semata-mata keluarnya keputusan itu dan berkuatkuasa pada hak mereka berdua, maka tiada siapa pun dari mereka itu berhak menolaknya? Ulama' mazhab Ḥanafī, Ḥanbalī dan Mālikī menjawab, "ya" maka menurut mereka keputusan *hakam* apabila dikeluarkannya ia terus mengikat dan berkuatkuasa pada hak kedua-dua belah pihak dan masing-masing tidak berhak menolaknya.<sup>75</sup>

Bagi mazhab Syāfi'i ada dua pendapat. Pertama, hukuman atau keputusan itu tidak mengikat dua orang yang bertikai kecuali dengan sebab iltizam mereka berdua kepada keputusan itu setelah dikeluarkannya, maka ia seperti fatwa, kerana

<sup>74</sup>al-Qurṭubī (1987), op cit., h. 176.

<sup>75</sup>Zaydān (1995), *Niẓām al-Qaḍā' fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, op.cit., h. 295.

urusan *tahkīm* dan sesuatu yang lahir darinya, iaitu pengeluaran hukuman adalah terhenti di atas keredaan mereka berdua pada permulaan, maka wajiblah pelaksanaan hukuman itu juga terhenti ke atas keredaan kedua-dua pada akhirnya yakni selepas dikeluarkan hukumannya. Inilah pendapat al-Faqīh al-Muzānī.<sup>76</sup>

Pendapat kedua, iaitu pendapat kebanyakan ulama' Syāfi'i, bahawa keputusan *hakam* adalah lazim (mengikat) mereka berdua dengan semata-mata keluar keputusan itu dan tidak terhenti di atas keredaan mereka, kerana hadis yang diriwayat daripada baginda Rasulullah s.a.w. bahawa beliau telah bersabda:

مِنْ حُكْمِ بَيْنِ اثْتَيْنِ تَرَاضِيَا بِهِ فَلَمْ يَعْدِ بَيْنَهُمَا فَعْلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ

Ertinya: Sesiapa yang menghakimi di antara dua orang yang telah sama-sama meredai dengannya, kemudian ia tidak berlaku adil di antara mereka berdua maka ke atasnya laknat Allah.<sup>77</sup>

Amaran dengan laknat itu menunjukkan di atas lazimnya hukuman pada mereka berdua, dan kerana sesuatu yang harus penghakimananya maka lazimlah hukumannya samalah seperti kadi yang dilantik oleh imam (pemerintah). Pendapat kedua inilah yang lebih jelas (al-Ażḥār) dalam mazhab Syāfi'i sebagaimana yang disebut oleh pengarang Mughnī al-Muḥṭāj.<sup>78</sup>

Pada prinsipnya keputusan *hakam* hendaklah dilaksanakan oleh pihak lawan yang kena hukum dengan rela hati kerana ia telah rela melantik *hakam*. Apabila ia enggan melaksanakan keputusan itu maka pihak yang dihukum baginya boleh mengangkat keputusan tersebut kepada hakim agar ia memperakukannya dan memerintah dilaksanakan keputusan itu apabila ia mendapati hukuman itu harus

<sup>76</sup> Ibid.

<sup>77</sup> Ibid.

<sup>78</sup> Ibid., hh. 295-296.

dan menepati syarak dan ia akan membatalkannya apabila didapati perlu dibatalkan menurut syarak.

Apabila seorang yang dihukumkan baginya mahu keputusan itu dilaksanakan melalui mana-mana hakim muslim, bolehlah ia meminta *hakam* menulis hukuman yang telah diputuskan dan dihantar kepada mana-mana hakim muslim atau kepada hakim yang telah dipilih oleh orang yang dihukum baginya. Adalah menjadi kewajipan hakim yang diutus surat kepadanya menerima dan melaksanakan surat *hakam* itu, kerana *hakam* dianggap seperti hakim dan ia juga seorang pelaksana keputusan, maka mesti diterima suratnya seperti mana ia mesti terima surat hakim tertentu daripada pihak imam (pemerintah).<sup>79</sup>

### 3.4. Kesimpulan

Krisis atau konflik di kalangan pasangan suami isteri merupakan suatu perkara lumrah berlaku di dalam sesebuah rumah tangga walaubagaimana baik pun hubungan mereka. Sebenarnya krisis ini, biar pun kedudukannya kadang-kadang sukar dialami dan diatasi, tetapi ia boleh memberi kesan yang positif apabila ia dikendalikan atau diselesaikan dengan baik mengikut garis panduan yang telah diatur oleh Islam. Malahan ia mampu berperanan mengeratkan lagi hubungan antara suami isteri. Bagaimanapun, jika terlalu kerap berbalah akan menjadikan rumah tangga sentiasa bergelombang dan jika terus dibiarkan akan karam dan musnah. Oleh itu, pencegahan *syiqāq*, tolak ansur dan persefahaman antara suami isteri selalunya akan menyelamatkan keadaan dan rumah tangga akan terus kekal bahagia. Selain itu peranan *tahkīm* adalah sangat penting dalam menangani *syiqāq*.

<sup>79</sup> Ibid., h. 297.

antara suami isteri. Walau bagaimana pun sekiranya *syiqāq* tidak dapat dicegah maka adalah lebih utama pembubaran perkahwinan dijalankan agar masalah tidak menjadi lebih besar dan merebak ke dalam keluarga dan masyarakat.